

**BAB 14 – PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN PENGURUSAN**

1. Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada Syarikat Perkilangan Happy Toys pengeluar kereta mainan kanak-kanak.

	RM
Sewa kilang	30 000
Susut nilai loji dan mesin	6 000
Kos bahan mentah	3 500
Gaji operator kilang	9 500

Hitungkan kos tetap Syarikat Perkilangan Happy Toys.

---



---



---

2. Syarikat Bintang Comel Sdn Bhd yang mengeluarkan alat permainan memberikan maklumat berikut:-

	RM
Sewa	30 000
Gaji	120 000
Kos bahan langsung/unit	50
Kos buruh langsung/unit	25
Harga jualan/unit	100

Hitung titik pulang modal

---



---



---



---

3. Maklumat di bawah diperolehi daripada Kilang Payung Sentosa

<b>Butir</b>	<b>RM</b>
Stok awal bahan langsung	4 000
Belian bahan langsung	50 000
Kos buruh langsung	10 000
Kos buruh tak langsung	4 000
Sewa kilang	2 000
Stok akhir bahan langsung	8 000

Hitungkan kos prima.

---



---



---



---



---



---

4. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan FHD Enterprise pada 30 Jun 2014

Modal pada 1 Julai 2013	RM 20 000
Ambilan	RM 5 000
Modal Tambahan	RM 3 000
Modal pada 30 Jun 2014	RM 32 000

Kira:

- (i) Untung bersih  
(ii) Pulangan atas modal

---



---



---



---

5. Namakan komponen kos dalam bagi setiap item berikut

- (i) Gaji pengurus kilang  
(ii) Upah operator pengeluaran

---



---

6. Maklumat berikut diperolehi dari Kilang Kasut Harmoni.

	RM
Bahan mentah	6 500
Buruh langsung	4 000
Kos overhead	3 500
Kerja dalam proses akhir	1 800

Berapakah :

- (i) Kos prima  
(ii) Kos pengeluaran

---



---



---



---

7. Maklumat di bawah merujuk kepada pengeluaran perabot oleh Perusahaan Perabot Elegent.

	RM
Harga jualan seunit	800
Kos berubah seunit: Bahan Langsung	200
Buruh Langsung	500
Kos tetap: Sewa	50 000
Gaji	200 000

Hitung titik pulang modal Perusahaan Perabot Elegent.

---



---



---



---

8. Maklumat berikut diperolehi daripada pengeluaran sabun kecantikan Lofa.

Kos tetap	RM3 000
Harga jualan seunit	RM5.50
Margin Caruman seunit	RM2.50

Hitungkan titik pulang modal.

---

---

---

---